

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD. KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 4 JULAI 2019 | KHAMIS

SOALAN

Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pencarum baru Tabung Haji untuk tempoh Januari 2019 sehingga Mei 2019 dan berapa jumlah caruman mereka dalam tempoh tersebut.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pendeposit baharu Lembaga Tabung Haji (**TH**) untuk tempoh Januari 2019 sehingga Mei 2019 adalah sebanyak 133 ribu orang dengan jumlah deposit sebanyak RM83 juta.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 70

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk mencapai matlamat perkongsian kemakmuran seperti yang diumum sebelum ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan perhatian kepada kemakmuran seluruh rakyat merangkumi jantina, kaum, status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Kerajaan akan memastikan kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan melalui Gagasan Kemakmuran Bersama iaitu berasaskan keperluan, ketelusan, menyokong pertumbuhan dan kemampanan bagi mendukung dasar pembangunan inklusif dan menghapuskan jurang ketidakseimbangan sosioekonomi antara etnik.
2. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) telah mengambil langkah-langkah segera bagi memastikan Gagasan Kemakmuran Bersama menjadi falsafah dan tulang belakang kepada Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Gagasan ini bukan sekadar untuk meningkatkan KDNK negara tetapi mengutamakan kepentingan dan kesejahteraan rakyat.
3. Kemakmuran Bersama ini dibangunkan untuk mencapai 3 objektif utama :
 - (i) memastikan jurang pendapatan dankekayaan rakyat dapat ditangani supaya dapat merapatkan jurang kekayaan antara kelas, kaum, wilayah dan rantaian bekalan bagi membawa bersama rakyat yang ketinggalan terbela dan diperkasakan.
 - (ii) mewujudkan model pembangunan baharu untuk semua dengan mencipta ekonomi yang lebih terstruktur, progresif, berpaksikan ilmu dan bernilai tinggi dengan penyertaan masyarakat yang menyeluruh di semua peringkat.

(iii) untuk menjadikan Malaysia yang lebih cemerlang dan menjadi salah satu paksi ekonomi penting di Asia. Ia bermaksud menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah seterusnya muncul sebagai paksi ekonomi Asia.

4. YAB Perdana Menteri pada 9 Mei 2019 yang lalu telah menggariskan sekurang-kurangnya 7 teras strategik bagi mencapai matlamat Kemakmuran Bersama melalui perubahan utama antara lain:

- (i) Membantu transformasi ekosistem perniagaan dan industri termasuk PKS supaya mampu mengadaptasi kepada Revolusi Industri 4.0, ekonomi digital dan ekonomi intelek untuk menjadi industri bernilai tinggi dan mampu menjana lebih pendapatan kepada rakyat;
- (ii) mengadakan transformasi kepada sumber manusia negara bagi menghasilkan tenaga kerja yang efektif dan bernilai tinggi serta memastikan pusat-pusat pembangunan kemahiran dan TVET negara memenuhi kehendak industri;
- (iii) mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dengan memastikan industri beralih kepada pekerjaan dan perkhidmatan bernilai tinggi yang menjanjikan pendapatan yang lebih tinggi kepada pekerja;
- (iv) mengenal pasti bidang-bidang keberhasilan utama baharu yang boleh menganjak ekonomi ke tahap yang lebih tinggi;
- (v) mengadakan rasionalisasi kepada dasar dan strategi kebajikan rakyat (*needs-based approach*) dengan menekankan program graduasi golongan rentan ekonomi dan B40 untuk keluar daripada kemiskinan relatif;
- (vi) mewujudkan pusat ekonomi tempatan di luar Lembah Klang bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat diagihkan dengan lebih meluas; dan

(vii) mewujudkan masyarakat yang matang, berilmu, bekerja keras dan mementingkan perpaduan di kalangan kita. Peningkatan modal sosial dan struktur sokongan sosial yang utuh untuk memastikan negara dapat pesat membangun. Jati diri dan patriotisme golongan muda dipertingkatkan bagi memastikan masa depan negara yang cemerlang.

5. Dalam definisi yang ringkas, Gagasan Kemakmuran Bersama adalah usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif (*equitable growth*) di setiap peringkat rantaian nilai, kelas, kaum dan geografi sehingga mewujudkan rasa keharmonian dan kestabilan di kalangan rakyat menjelang tahun 2030. Matlamat Kemakmuran Bersama adalah untuk menyediakan taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada semua rakyat Malaysia.
6. Kemakmuran Bersama akan memastikan jurang ekonomi, pendapatan dan penyertaan dalam rantaian bekalan dapat diminimumkan terutama dalam kalangan masyarakat Melayu, Orang Asli, Bumiputera Sabah dan Sarawak serta golongan relatif miskin supaya kekayaan negara dapat benar-benar dirasai bersama.
7. Gagasan ini adalah untuk rakyat. Ianya adalah yang lebih menyeluruh dan bukan hanya datang daripada Kerajaan kepada rakyat semata-mata (*top-down approach*) namun turut mengambil pandangan serta maklum balas daripada rakyat, pemain industri dan masyarakat sivil (*bottom-up approach*) supaya ia mampu menjawab dan menyelesaikan kehendak serta keperluan rakyat.
8. Justeru, MEA akan mengambil tanggungjawab untuk mengadakan konsultasi dan mendapatkan maklum balas daripada semua pemegang taruh termasuk kumpulan pekerja, peniaga dan pemain industri untuk memastikan gagasan ini akan menjadi milik rakyat secara bersama.

Sekian, terima kasih.